

PRESS CLIPPINGS

Publication : Berita Minggu
Country : Singapore

Date: 27 February 2005
Page: cover and 8

B E R I T A M I N G G U

BM

27 Februari 2005 (18 Muharam 1426) 60¢

MENARIK DI DALAM

BERITA
Tabung Amal Aidilfitri
pecat Halim Kader,
keanggotaan Taman
Bacaan digugurkan.
Muka 2

KESIHATAN
**SITI NURDIAYANA
KENA BARAH
SEJAK USIA
DUA TAHUN...**
Muka 8

PRESS CLIPPINGS

Di balik wajah ceria budak

Usia baru 5 tahun sudah empat kali dibedah kerana barah

Oleh
Dewani Abbas

KALAU dilihat daripada mata kasar, Siti Nurdiyana Fuad, lima tahun, kelihatan seperti kanak-kanak biasa yang aktif.

Di dewan flatnya di Tampines, kanak-kanak ini tidak tahu diam — sekejap-sekejap berlari dan memanjat kerusi. Apabila kakaknya, Nurul Asyiqin, 10 tahun, pulang dari sekolah, mereka kecoh bermain di dalam bilik tidur. Sekejap kemudian, kedengaran Siti Nurdiyana menangis.

“Adalah yang dia orang gaduhkan tu,” kata ibunya, Cik Nurlaila Mohd Salleh, 33 tahun, sambil ketawa. “Adik beradik ni memang pantang jumpa,” celah suaminya pula, Encik Fuad Jailani, 38 tahun.

Namun, di sebalik keceriaan Siti Nurdiyana, tersembunyi sejenis penyakit barah yang dihidapi kanak-kanak itu sejak umurnya belum dua tahun. Cik Nurlaila hafaz nama dan ejaan barah yang menyerang anak bongsunya — *Adrenocortical Carcinoma* — daripada dua beradik itu.

ia adalah sejenis barah yang sangat jarang berlaku (satu dalam dua juta serangan barah) yang menyerang selaput luar kelenjar adrenal yang dipanggil *adrenal cortex*.

Kelenjar adrenal ini adalah organ yang terletak di atas setiap satu ginjal. Ia mempunyai dua bahagian — *adrenal cortex* dan *adrenal medulla*. Antara lain, fungsi *adrenal cortex* ialah mengeluarkan hormon yang membantu keseimbangan air di dalam tubuh.

Melalui rawatan, Siti Nurdiyana, murid tadika tahun satu, bagaimanapun, dapat melalui hidupnya dengan baik seperti kanak-kanak biasa dengan pergi ke sekolah khas bagi pesakit barah kanak-kanak di Sekolah Asisi Children's Home. Ibu bapanya berharap da-



AKTIF: Siti Nurdiyana Fuad, lima tahun, aktif di rumah meskipun menghidap penyakit barah. Sejauh ini dia telah menjalani empat pembedahan untuk membuang tumbukan barah di dalam tubuhnya. Dia kini menjalani rawatan homeopati.

pat menghantarnya ke sekolah biasa pada tahun depan.

Sebagai memperingati dan meningkatkan kesedaran orang ramai terhadap kanak-kanak yang menghidap barah seperti Siti Nurdiyana, Yayasan Barah Kanak-Kanak (CCF) di sini telah mengadakan Kempen Reben Emas pada 15 Februari lalu yang juga merupakan Hari Barah Kanak-Kanak Antarabangsa.

Menceritakan bagaimana anaknya mula mendapat barah tersebut, Cik Nurlaila, seorang suri rumah, berkata: “Mula-mula dia selalu kembung perut. Kami ingat dia hanya kembung perut biasa. Cuma bezanya dia suka berpeluh, tapi peluhnya busuk macam peluh orang tua. Dan dia senang demam tapi tak banyak menagis. Nurdiyana ni senang dijaga dan tak pernah mengadu sakit.”

Lawatan ke doktor untuk suntikan cegah penyakit telah mendedahkan penyakit serius yang dihidapi Siti Nurdiyana.

“Doktor tu hanya pegang perut anak saya dan beliau tahu yang anak saya ada tumor adrenal dan katanya ia barah. Saya langsung tak dapat tanya apa-apa lagi. Kami kemudian ke hospital KK (Hospital Wanita dan Kanak-Kanak) dan di sana disahkan anak saya mempunyai barah,” cerita Cik Nurlaila.

Dalam masa dua minggu selepas disahkan, tahap barah Siti Nurdiyana telah meningkat daripada tahap satu ke dua. Tumbuhan barahnya didapati telah berakar di ginjalnya dan Siti Nurdiyana perlu menjalani pembedahan kecemasan untuk menyelamatkan ginjal-

nya.

Kesemuanya kanak-kanak ini menjalani empat pembedahan dan rawatan kemoterapi. Namun begitu, sel-sel barahnya tetap merebak dan kali ini ke paru-paru. Satu petanda penyakit itu berulang, kata Cik Nurlaila, ialah selera anaknya akan bertambah.

“Bila dia berselera makan, saya menggeletar. Itu yang buat saya bawa dia untuk ujian dan didapati barahnya dah merebak ke hati pula. Kali ini satu perlatan daripada hatinya perlu dibuang. Tiga bulan kemudian, ia merebak ke paru-paru kanan dan doktor sahkan barahnya dah sampai ke tahap empat. Sekali lagi dia dibedah,” tambah Cik Nurlaila.

Selapas empat kali dibedah, Cik Nurlaila dan suaminya, yang bekerja sebagai penyelia di syarikat pengilangan, berancang untuk beralih kepada rawatan homeopati.

“Kami dapati bahawa cara merawat penyakit ini ialah bedah dan buang tumbuhannya, tapi kami ingin cuba rawatan alternatif yang tak perlukan pembedahan. Dah lebih setahun sejak Oktober 2003 kami cuba rawatan ini dan alhamdulillah, sejauh ini dia okay.”

“Bila mula dengar berita buruk ni, saya tak tahu apa yang dirasakan. Saya cuma tanya, ‘kenapa kita?’ Tapi kami yakin bahawa setiap penyakit ada ubatnya. Yang penting kita mesti tawakal dengan cara rawatan yang kita pilih,” kata ibu yang sungsung-pula dilanda masalah anak yang sakit berat, mudah ketawa dan suka bergurau bersama suami dan anak-anaknya.

Kempen reben emas tingkat kesedaran orang ramai

SEPARUH daripada semua pesakit barah kanak-kanak di sini terdiri daripada kanak-kanak yang masih bayi hingga berusia enam tahun.

Menurut perangkaan Yayasan Barah Kanak-Kanak (CCF) Singapura, 50 peratus daripada mereka dalam kategori usia itu. Barah darah atau leukemia masih merupakan barah yang paling biasa mereka hidapi (44 peratus).

Sebanyak 16 peratus daripada mereka menghidap sarcoma (tumor yang tumbuh di sel-sel otot-otot), 13 peratus mempunyai tumbukan di otak dan tulang belakang dan yang lain mengalami limfoma (tumor di tisu limfoma yang melekatkan sel-sel darah putih), penyakit-penyakit tumbukan tidak berbahaya dan beberapa tumbukan lain.

Menurut CCF, yang berkhidmat untuk pesakit barah kanak-kanak pada usia bayi hingga 17 tahun, 15 kanak-kanak telah menjalani pemindahan tulang sumsum pada tahun lalu — pertambahan 15 peratus berbanding 2003.

Untuk meningkatkan lagi kesedaran orang ramai tentang penyakit barah di kalangan kanak-kanak, CCF telah menganjurkan Kempen Reben Emas pada 15 Februari lalu — hari yang diisytiharkan sebagai Hari Barah Kanak-Kanak Antarabangsa.

Sebanyak 100,000 pin reben emas telah dihasilkan dan orang ramai telah digalakkan membuat ikrar sokongan mereka kepada kanak-kanak yang menghidap barah.

Encik Simon Lala, pengerusi Persekutuan Pertubuhan Pertubuhan Ibu Bapa Pesakit Barah Kanak-Kanak Antarabangsa, berkata:

“Dianggarkan 250,000 kanak-kanak dikesan menghidap barah di serata dunia setiap tahun, tetapi hanya 20 peratus mendapat rawatan yang memadai.”

Persekutuan itu ditubuhkan di Sepanyol pada 1994. Reben emas ialah reben rasmi bagi kanak-kanak berpenyakit barah di seluruh dunia.

Sejak ditubuhkan pada 1992, CCF telah membantu lebih 1,100 pesakit barah kanak-kanak dan keluarga mereka. Tujuan badan ini ialah memperbaiki mutu hidup kanak-kanak yang berpenyakit barah dan keluarga mereka melalui sokongan emosi, sosial dan keperluan rawatan perubatan.

Antara khidmat-khidmatnya yang diberikan secara percuma ialah:

- Kaunseling dan kajian kes
- Permainan terapi
- Kumpulan sokongan keluarga
- Bantuan kewangan
- Program balik ke sekolah
- Program pemindahan tulang sumsum
- Program menangani kesedihan

CCF mempunyai dua pusat sokongan keluarga — di luar wad barah kanak-kanak di Hospital Wanita dan Kanak-Kanak (KKH) dan Hospital Universiti Nasional (NUH). Maklumat lanjut mengenai CCF boleh didapati melalui laman www.ccf.org.sg